

Bawa makna lebih mendalam

AIA PUBLIC Takaful sediakan peruntukan biasiswa RM1.6 juta untuk perkasa belia berwawasan

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Hasrat melahirkan generasi muda berilmu, beretika dan berwawasan terus diperku-
kuh apabila AIA PUBLIC Takaful Bhd melancarkan Program Biasiswa AIA Penyala Harapan, inisiatif pendidikan yang membuka peluang kepada pelajar berpotensi tinggi mencapai aspirasi akademik dan ker-
ja.

Biasiswa itu direalisasikan hasil sumbangan lebihan takaful peserta AIA PUBLIC Takaful yang disalurkan secara kolektif ke dalam Tabung Amal AIA Penyala Harapan, dana khas bagi menyokong pelbagai usaha kebajikan demi kesejahteraan komuniti di seluruh negara.

Menerusi kerjasama strategik dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) melalui Bahagian Tabung Wakaf UIAM atau IIUM Endowment Fund (IEF), biasiswa itu terbuka kepada pelajar tahun pertama program ijazah sarjana muda dalam bidang perbankan Islam, kewangan Islam dan undang-undang.

Sebanyak RM1.6 juta diperuntukkan bagi kohort pertama, membabitkan 20



MOHD Asri (kiri) bersama Dr Mohamad Fauzan pada pelancaran Program Biasiswa AIA Penyala Harapan, baru-baru ini.

penerima yang akan menerima pembiayaan yuran pengajian serta kos sara hidup sepanjang tempoh pengajian sehingga empat tahun.

Penerima biasiswa turut berpeluang menjalani latihan industri bersama AIA PUBLIC Takaful, tertakluk kepada pencapaian akademik dan syarat program yang ditetapkan.

Ketua Pegawai Eksekutif

AIA PUBLIC Takaful, Mohd Asri Omar berkata, di AIA matlamat mereka adalah untuk membantu masyarakat menjalani Kehidupan yang Lebih Sihat, Berperjuangan dan Bermakna dan percaya pendidikan adalah salah satu cara terbaik untuk mencapainya.

Menurutnya, program biasiswa itu menjadi inisiatif pertama yang direalisasikan melalui Tabung

Amal AIA Penyala Harapan, sekali gus mencerminkan komitmen syarikat dalam membina masa depan belia negara.

"Dengan UIAM sebagai rakan universiti, kami komited membentuk pelajar yang bersemangat, berwawasan serta memperkasa mereka untuk membina masa depan dan membawa impak positif bukan saja kepada kehidupan mereka malah kepada keluarga serta komuniti," katanya.

Mohd Asri berkata, inisiatif itu turut mencerminkan intipati proposisi unik pihaknya iaitu Penyelesaian Syariah Menyeluruh yang berlandaskan prinsip Maqasid Syariah, sekali gus membuktikan takaful bukan sekadar pelan perlindungan, tetapi membawa makna yang lebih mendalam.

Katanya, melalui tonggak 'Berkat Sama-Sama', produk kami membolehkan pelanggan menghayati semangat kebersamaan dengan mendermakan lebihan takaful mereka untuk kesejahteraan masyarakat.

"Kami sangat berbesar hati kerana diberi kepercayaan oleh pelanggan un-

tuk menyalurkan lebihan takaful mereka untuk membantu golongan belia Malaysia mengejar aspirasi akademik dan membina kerjaya bermakna.

"Sumbangan pelanggan itu juga cukup bermakna buat kami kerana dengan-

nya, ia menjadikan inisiatif ini satu ke-

nyataan," katanya.

Mengulas pemilihan UIAM sebagai rakan strate-

gik, beliau berkata reputasi akademik kukuh institusi itu serta peranannya sebagai universiti

Islam terkemuka di peringkat nasional dan global menjadikannya pilihan tepat.

"Dengan nilai-nilai Islam yang diterapkan dalam setiap disiplin, UIAM berkongsi matlamat sama dengan AIA PUBLIC Takaful dalam menggalakkan pembangunan beretika dan berasaskan nilai.

"Visi bersama ini menjadikan UIAM pilihan tepat untuk program ini yang bertujuan memberi inspirasi kepada pelajar melalui pendidikan yang memperkasa potensi, membentuk masa depan serta berlandaskan prinsip-prinsip Syariah," katanya.

Sementara itu, Timbalan Rektor Pembangunan Pelajar dan Pembabitn Komuniti UIAM Prof Datuk Dr Mohamad Fauzan Noordin berkata, pihaknya menyambut baik kerjasama berkenaan yang disifatkan sebagai usaha bermakna dalam memperkasa pendidikan.

"Di UIAM, kami komited melahirkan graduan holistik yang menggabungkan kecemerlangan akademik dan nilai etika yang kukuh.

"Biasiswa ini bukan saja akan membantu pelajar mencapai matlamat akademik dan potensi mereka sepenuhnya malah menyumbang kepada kemajuan sektor kewangan Islam dan bidang utama lain," katanya.

Pemilihan penerima biasiswa adalah berdasarkan prestasi akademik, keperluan kewangan serta aspirasi masa depan yang jelas.

Bahagian IEF akan bertanggungjawab menilai calon, menyediakan bimbingan akademik dan memantau perkembangan penerima sepanjang tempoh pengajian.

Pelajar yang layak dan sudah menerima tawaran kemasukan ke UIAM bagi program berkaitan digalakkan memohon melalui Bahagian IEF atau melayari www.aia.com.my untuk maklumat lanjut.

“Produk kami membolehkan pelanggan menghayati semangat kebersamaan”
Mohd Asri